



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Fail : JPA(I)S.175/8/36-12/2 Klt.3 (3)

Tarikh : 18 September 2019/ 18 Muharam 1441H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM LEP2.0 MANAGEMENT TRAINING
PROGRAM FOR JUNIOR OFFICER 2019**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai Gred 41 hingga 44 di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengikuti **Program LEP2.0 Management Training Program for Junior Officer 2019**. Program ini akan berlangsung selama 28 hari mulai 9 Februari 2020 hingga 7 Mac 2020 di negara Jepun. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan pegawai muda Kerajaan di dalam bidang pengurusan bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih baik dan menyumbang kepada organisasi di masa hadapan.

3. Maklumat berhubung permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Tarikh tutup permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **11 Oktober 2019 (Jumaat)**.



- 3.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah pada **11 Oktober 2019 (Jumaat)**. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.**
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

- 3.3 Keputusan pencalonan yang berjaya akan diumumkan di laman web JPA iaitu www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my> pada Januari 2020.

4. Syarat dan tatacara permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti di Lampiran 1. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian 03-8885 3546 atau emel penawaranldp@jpa.gov.my.

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZURA BINTI AZIZ)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

LAMPIRAN I

SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN PROGRAM LEP2.0 MANAGEMENT TRAINING PROGRAM FOR JUNIOR OFFICER 2019

1. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- (a) Berumur tidak melebihi **48 tahun pada 1 Januari 2020**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**;
- (c) Telah **disahkan jawatan dalam gred 41 hingga 44** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Tempoh perkhidmatan **melebihi 3 tahun** (maksimum 10 tahun)
- (e) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (**2016, 2017 & 2018**). Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan;
- (f) Mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris yang baik**;
- (g) Tidak mengikuti **kursus pendek luar negara dalam tempoh satu (1) tahun kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan** (dikira dari tarikh kursus ini bermula);
- (h) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (i) Telah mengisyiharkan harta;
- (j) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (k) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;
- (l) Tidak mengandung bagi wanita; dan

- (m) Keutamaan diberikan kepada pegawai yang menjalankan tugas terkini dalam **bidang pengurusan**.

2. Kemudahan

Pegawai yang terpilih untuk mengikuti program ini layak dibayar elauan-elaun dan kemudahan mengikut ketetapan kemudahan dan kelayakan Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP1.10/2013 tertakluk kepada kelulusan.

3. Tatacara Permohonan/Pencalonan.

3.1 Tanggungjawab Pegawai.

3.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian di laman web JPA www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **18 September 2019 sehingga 11 Oktober 2019**.

3.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
- (ii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**);
- (iii) *JICA Application Form (diisi dalam 2 salinan)*;
- (iv) Salinan Keputusan TOEFL/TOEIC/IELTS/Ujian Bahasa Inggeris yang diiktiraf;
- (v) *Questionnaire (diisi dalam 2 salinan)*;
- (vi) Salinan Passport; dan
- (vii) Salinan Senarai Tugas.

3.1.3 Permohonan dengan tanpa borang permohonan secara dalam talian, dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

3.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

3.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya

membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

- 3.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2005 dengan menggunakan borang **JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 3.1.2**.
- 3.2.3 Setiap Agensi/Jabatan di bawah setiap Kementerian layak mengemukakan bilangan pencalonan yang merangkumi **dua (2) orang calon tetap** sahaja. Bilangan pencalonan di atas turut terpakai bagi calon-calon di peringkat Kementerian. Jika bilangan pencalonan bagi setiap Agensi/ Jabatan/ Kementerian melebihi bilangan calon-calon yang ditetapkan, Jabatan ini hanya akan **memberi keutamaan kepada 2 calon teratas** bagi melalui proses-proses pemilihan selanjutnya.